

sains

# KERATAN AKHBAR

## 24 & 25 OKTOBER 2023

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS

THE Sun

FMT news

Star

Kosmo!

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini

BERNAMA

RANIA

星洲日報 SIN CHEW DAILY

南洋商報 NANYANG SIANG PAU

中國報 CHINA PRESS

malaymail

## [VIDEO] Pembinaan TAPS Sungai Lebah Salleh perlu rundingan Malaysia, Singapura

BATU PAHAT - Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di Sungai Lebah Salleh, Kota Tinggi memerlukan persetujuan di peringkat Pusat kerana Johor masih mempunyai perjanjian bekalan air dengan Singapura.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur negeri, Mohamad Fazli Mohamed Salleh berkata, air Sungai Johor akan ditakungkan di TAPS Sungai Lebah Salleh untuk penyaluran bekalan air di kawasan pusat pengumpulan data Sedenak, Kulai.

“

"Perbincangan yang dilakukan bersama Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sebelum ini tentang cadangan pembinaan TAPS ini, mendapat respons positif.

"Namun, belum ada kata putus kerana Sungai Johor membabitkan dua negara bukan sahaja kerajaan negeri dengan kementerian tetapi melibatkan Kementerian Luar dan Peguam Negara," katanya.



Mohamad Fazli (tengah) berbincang mengenai Projek Jalan Kampung Rahmat dan Estet Sri Gading pada Selasa.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat Projek Jalan Kampung Rahmat dan Estet Sri Gading di sini, pada Selasa.

Singapura bergantung kepada Malaysia untuk membekalkan hampir separuh keperluan airnya dan sudah melalui beberapa siri perjanjian bermula pada tahun 1927.



Ia diikuti dengan Perjanjian Sungai Johor pada 1962 yang memberikan negara itu 250 juta gelen air mentah sehari pada harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen dan Malaysia membeli semula air yang dirawat pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Sementara itu, Mohamad Fazli berkata, keadaan Empangan Linggui di Kota Tinggi kini berada pada tahap memuaskan.

"Setakat ini, paras air Empangan Linggui hampir kepada 100 peratus. Cuma empangan ini mempunyai sambungan kepada empat Loji Rawatan Air (LRA) yang lain.

"Sekiranya berlaku sesuatu kepada empangan utama ia mungkin akan memberi impak yang besar kepada tempat-tempat yang lain. Bagaimanapun setakat ini, Empangan Linggui tiada masalah," ujarnya.

Sebelum itu pada Isnin, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Charles Santiago berkata, tujuh empangan bekalan air dikenal pasti berisiko tinggi mendatangkan masalah sumber air kepada LRA dan kawasan sekitarnya sekiranya berlaku sebarang kegagalan fungsi empangan terbabit termasuk kerana faktor cuaca.

Empangan tersebut ialah Pedu dan Muda di Kedah; Durian Tunggal, Asahan dan Jus di Melaka; Mengkuang di Pulau Pinang; dan Linggui di Johor.

## Mengkuang Dam in good condition, says Penang water supply corp

GEORGE TOWN: The Expanded Mengkuang Dam (EMD), which maximum storage capacity increased from 22 billion litres to 86.4 billion litres, is in good condition, according to the Penang Water Supply Corporation (PBAPP).

Its chief executive officer K. Pathmanathan said the dam serves as a strategic drought reserve and a useful emergency raw water resource for Penang, mitigating the impact if another "Sungai Muda incident" occurs in the future.

"The EMD was handed back to the Penang government in October 2020 after its maximum storage capacity was increased from 22 billion litres to 86.4 billion litres.

"The EMD has more than proven its worth to Penang in 2022 and 2023 when its raw water reserves were released during the PBAPP's emergency response to three major unscheduled water supply disruptions caused by three incidents in Kedah," he said in a statement on Tuesday (Oct 24).

He was responding to National Water Services Commission chairman Charles Santiago's statement on Monday (Oct 23) that seven dams had been identified as high-risk and might cause water supply issues to water treatment plants (LRA) and their surrounding areas in the event of dam malfunction, including due to weather factors.

The seven dams were Pedu and Muda in Kedah; Durian Tunggal, Asahan and Jus in Melaka; Mengkuang in Penang and Linggui in Johor.

Pathmanathan said that without the EMD, the impact of the incident in Sungai Muda, Kedah, on the majority of Penang's water consumers would have been worse as it would take longer to restore water supply to affected areas.

He said that in 2024, the dam's release capacity would be increased from 300 million litres per day (MLD) to 600 MLD, proving that the state government's decision to re-accept EMD in September 2020, before the Mengkuang Dam Expansion Project (MDEP) was completed, was the right strategic decision.

"We look forward to the completion of the RM1.2 billion MDEP by the Federal Government, and the phases of the project that have yet to be completed are Phase 2B, which is the installation of pipelines to upgrade the release capacity to 600 MLD.

"Phase 2C of the project has also not yet been completed, and it involves the construction of a new 440 MLD pump house in Sungai Muda to enable efficient refilling of the EMD during rainy seasons, as well as a new barrage in Sungai Muda to support additional abstraction of raw water from the river during rainy seasons to refill the EMD," he said. – Bernama



## ZDP, SJAM usaha tangani isu pencemaran air di Selangor

25 OKTOBER 2023  
RABU



Jamaliah Jamaluddin

SHAH ALAM - Kerajaan negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengambil inisiatif melaksanakan Dasar Pelepasan Sifar atau Zero Discharge Policy (ZDP) bagi memperkasakan pengurusan sumber air di negeri ini.

SAMBUNGAN

Exco Kesihatan Awam, Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau negeri, Jamaliah Jamaluddin berkata, melalui ZDP, semua air sisa atau efluen yang terhasil daripada aktiviti harian manusia akan dikawal, diuruskan dan dipastikan perlu melalui proses rawatan sebelum dilepaskan masuk ke sumber air.

Menurutnya, dasar ini bukan bertujuan menambah kos operasi tetapi menjurus kepada usaha memupuk kesedaran dan penyediaan infrastruktur alam sekitar.

"Melalui pelaksanaan ini, pihak yang melakukan pencemaran (pencemar) perlu menanggung kos langkah pencegahan dan kawalan pencemaran.

"Ia juga sebagai galakan kepada premis untuk melaksanakan kitar semula air sisa bagi mengurangkan kemasukan efluen ke dalam sumber air seterusnya sebagai komitmen dalam pemuliharaan sumber air di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas langkah dilakukan kerajaan negeri bagi mengatasi pencemaran sungai yang menyebabkan henti tugas loji rawatan air (LRA) seterusnya gangguan air kepada pengguna di Selangor.



Beliau berkata, cadangan pelaksanaan ZDP akan meningkatkan lagi keberkesanan langkah pencegahan pencemaran sungai daripada sisa kimia dan biologi disebabkan pelepasan industri, loji rawatan kumbahan, penternakan, kerja tanah dan perniagaan seperti pasar dan bengkel serta pelbagai jenis aktiviti harian lain.

Tambahnya, pelaksanaan ZDP ini secara tidak langsung akan membantu dalam usaha untuk memulihara sumber air dengan mencegah serta mengelak kemasukan sisa pencemaran ke dalam sumber air.

"Ia sekali gus dapat menangani isu pencemaran sungai dan meningkatkan kualiti air.

"Cadangan pelaksanaan ZDP ini akan memastikan usaha kerajaan negeri untuk meminimumkan kes pencemaran sungai yang berpotensi mengakibatkan henti tugas LRA (loji rawatan air) dicapai dan seterusnya dapat mengurangkan kos bagi melaksanakan kerja-kerja pemulihan sungai yang tercemar," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, sebanyak enam kompaun telah dikeluarkan pada tahun 2022 dan tambahan empat kompaun sehingga bulan September 2023 terhadap kilang yang dikesan penyebab kepada pencemaran.

Ujarnya, tindakan dilaksanakan di bawah Seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999 dengan jumlah keseluruhan nilai kompaun sebanyak RM400,000

Selain itu katanya, bagi menyelesaikan masalah henti tugas LRA kesan daripada masalah kualiti air, kerajaan Selangor sedang melaksanakan Projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) yang merangkumi LRA Sungai Selangor dan Sungai Semenyih.

"Terdapat tiga pakej projek di Sungai Selangor yang membolehkan sumber air di Kolam HORAS 600 disalurkan terus ke LRA SSP1, SSP2 dan SSP3 sementara sumber air di ORS Bestari Jaya disalurkan ke LRA Rantau Panjang.

"Selain itu, terdapat satu pakej di Sungai Semenyih untuk menyalurkan sumber air di Kolam A, B, C disalurkan ke LRA Semenyih.

"Projek SJAM ini dijangka dapat beroperasi di penghujung tahun 2023," katanya.